



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1625

**AKTA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
(PINDAAN) 2020**

Tarikh Perkenan Diraja ... 22 Oktober 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 31 Oktober 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1625

AKTA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PINDAAN) 2020

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2, dalam takrif “kawasan keselamatan”, dengan menggantikan perkataan “Perdana Menteri” dengan perkataan “Yang di-Pertuan Agong”.

Pindaan seksyen 6**3. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula, dengan memotong perenggan (b); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Pengerusi hendaklah melantik dalam kalangan anggota Majlis seorang Timbalan Pengerusi.”.

Pindaan seksyen 8

4. Seksyen 8 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “seorang anggota Majlis” dengan perkataan “mana-mana anggota Majlis yang lain”.

Pindaan seksyen 18**5. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Perdana Menteri” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Yang di-Pertuan Agong”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Perdana Menteri” dengan perkataan “Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis,”;
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “di Parlimen” dengan perkataan “di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen”; dan
- (d) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “Perdana Menteri boleh” dengan perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Majlis”.

Pindaan seksyen 21

6. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (3)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) meminta daripada mana-mana individu atau entiti selain Entiti Kerajaan, apa-apa maklumat atau risikan dalam miliknya.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Mana-mana individu yang tidak mematuhi permintaan di bawah perenggan (3)(c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(7) Mana-mana entiti selain Entiti Kerajaan yang tidak mematuhi permintaan di bawah perenggan (3)(c) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 37

7. Seksyen 37 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan “dua tahun” dengan perkataan “lima tahun”.

Pindaan seksyen 42

8. Seksyen 42 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “Perdana Menteri” dengan perkataan “Majlis”.

Seksyen baharu 42A dan 42B

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 42 seksyen yang berikut:

“Tanggungan pengarah, dsb., bagi syarikat, dsb.

42A. Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan
- (b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan

- (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Tanggungan seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.

42B. Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen orang itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen orang itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen orang itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu,

orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja atau ejen orang itu, atau oleh pekerja ejen orang itu.”.